

# Sasar 10 minit akses ke stesen transit di KL 2040

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menyatakan lapan daripada 10 jumlah isi rumah di Kuala Lumpur mempunyai akses dalam lingkungan tempoh 10 minit ke mana-mana stesen transit berdekatan menjelang tahun 2040.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, perkhidmatan pengangkutan sedia ada perlu mencapai kualiti yang diharapkan oleh pengguna.

"Contohnya dari segi peningkatan tahap frekuensi atau kekerapan yang lebih singkat, di samping memastikan kemudahan pertukaran mod pengangkutan lebih berintegrasi di bawah satu hab yang sama.

"Begitu juga bagi perkhidmatan Bas GOKL, kerajaan terus komited meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan meluaskan laluan sedia ada kepada 15 laluan secara keseluruhannya dengan menambah tahap capaian penduduk kepada perkhidmatan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Bas Mini GoKL dan Peluncuran Laluan Baharu GOKL Ke-15 di Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) disini, semalam.

Zaliha berkata, laluan perkhidmatan Bas GOKL sedia ada terdiri daripada 14 laluan, di mana empat laluan adalah da-



Dr Zaliha (empat dari kanan), bersama Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh pada Majlis Perasmian Bas Mini GoKL dan Peluncuran Laluan Baharu GOKL Ke-15 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Saifulizzan Tamadi/BH)

lam pusat bandar, manakala 10 laluan lain adalah di luar pusat bandar.

"Laluan sedia ada ini menghubungkan warga kota dari hab pengangkutan ke sekitar pusat bandar seperti Bukit Bintang, KLCC, KL Sentral dan lokasi tumpuan lain di luar pusat bandar seperti Bandar Tun Razak dan Bandar Sri Permaisuri.

"Mulai 1 Februari lalu, perkhidmatan GOKL terus ditambah baik dengan satu lagi laluan baharu dinamakan GOKL 15.

"Laluan sepanjang 20.6 kilometer (km) itu bermula dari Alam Damai ke Hospital Canselor Tuanku Mukriz (HCTM) menghubungkan kawasan kediaman Alam Damai, Taman Desa Cheras, Taman Bukit Ang-

gerik, Bukit Mandarina, Taman Orkid, Taman Mulia dan sekitar Bandar Tun Razak hingga ke HCTM," katanya.

Beliau berkata, laluan GOKL 15 juga akan menghubungkan kawasan sering menjadi tumpuan seperti Residensi PR1MA Alam Damai, Flat Taman Desa Cheras, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Alam Da-

mai, Sekolah Kebangsaan (SK) Alam Damai, Flat Taman Bukit Anggerik, SMK Orchid Desa, Madrasah Makarimul Akhlak, Residensi Razak Mas, Angkasa Kondominium, Puncak Bayan Kondo, Kuarters Institut Pendidikan Alam Damai serta menghubungkan stesen LRT Bandar Tun Razak.

"Bagi meningkatkan integrasi dan memastikan pengangkutan awam yang lebih sistematik, perkhidmatan GOKL 15 itu juga membabitkan tiga lokasi pertukaran mod pengangkutan iaitu pertukaran ke laluan GOKL 11, laluan 400 RapidKL dan stesen LRT Bandar Tun Razak.

"Sebagai usaha kerajaan menyokong inisiatif matlamat pembangunan mampan (SDG), laluan itu juga akan menggunakan bas elektrik sebagai mod pengangkutan yang lebih mesra alam sekitar dan akan membawa gaya hidup yang lebih sihat.

"Penggunaan Bas Mini EV bersaiz lapan meter akan digunakan di laluan baharu GOKL 15, di mana pergerakan bas di laluan itu akan lebih lancar dan mudah untuk membuat pusingan terutamanya yang membabitkan kawasan perumahan," katanya.

Katanya, buat sementara waktu laluan terbabit akan beroperasi menggunakan bas elektrik 10 meter terlebih dahulu sebelum digantikan dengan bas mini elektrik yang dijangkakan pada bulan Mei akan datang.